

01 AUG 2003

Mahathir-Kraf/I

KRAF M'SIA HADAPI MASALAH HASIL PRODUK SECARA BESAR-BESARAN

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia boleh menghasilkan pelbagai kraftangan berkualiti tinggi tetapi masalah yang dihadapi ialah menghasilkannya secara besar-besaran.

Perdana Menteri berkata: "Permintaan pasaran (bagi kraftangan) adalah dalam jumlah yang besar," dan oleh itu kerajaan menggalakkan penubuhan industri kecil bagi menampung permintaan ini.

"Kita berurusan dengan pasaran pengguna yang besar, dan kita tidak lagi boleh mengikut cara lama dan itu sebab kita perlukan kilang-kilang," katanya kepada pemberita selepas lawatan khas ke Kompleks Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau pernah menerima tempahan 10,000 tongkat daripada seorang rakyat Amerika selepas menunjukkan tongkatnya yang dibuat di Kubang Pasu, semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pembuat tongkat itu hampir pengsan apabila Perdana Menteri menyatakan hasrat warga Amerika itu kerana dia hanya boleh membuat satu atau dua tongkat sahaja setahun.

Perdana Menteri berkata: "Masalah (dengan pembuat kraftangan Malaysia) biasanya membabitkan kuantiti produk. Kita boleh buat satu atau dua tetapi tidak mencukupi untuk pasaran."

Untuk itu, usaha sedang dilakukan bagi membangunkan industri kampung yang lebih teratur kerana selain dapat melibatkan penduduk kampung bekerja sepenuh masa, ia secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka, katanya.

Untuk itu, kerajaan tidak berniat untuk menjadikan industri kampung atau industri kecil kraf ini sebagai satu pelaburan untuk individu tertentu, katanya.

"Kita hendak orang yang mampu menguruskan industri ini ada kewangan yang sedikit dan memberi peluang kepada orang kampung bekerja, yang akan dapat gaji dan mungkin dapat ambil bahagian dalam saham kilang itu," katanya.

Dr Mahathir terpaksa menjelaskan perkara ini kerana ada "pemodal tempatan", termasuk di Kubang Pasu yang berkata kerajaan tidak patut membawa orang luar ke kampung mereka untuk mendirikan kilang tersebut kerana mereka sendiri boleh melaksanakannya.

Dr Mahathir turut menyuarakan kekaguman beliau terhadap kebolehan Kraftangan Malaysia menghasilkan produk kraf yang berkualiti daripada bahan tempatan dalam tempoh masa yang singkat berdasarkan contoh-contoh kraftangan yang dibawanya pulang dari luar negara.

"Mereka (Kraftangan Malaysia) telah mampu menghasilkan barangan tersebut dengan kualiti yang lebih baik dan harga keluaran yang lebih rendah," katanya.

April lepas, Dr Mahathir meminta Kraftangan Malaysia mengkaji beberapa produk kraf yang dibawanya dari luar negara sebagai penanda aras selain dijadikan rekaan yang bersesuaian.

Antara barangan kraf yang dibawa pulang membabitkan barangan yang diperbuat daripada buluh serta kayu, termasuk kayu hanyut dan tidak digunakan lagi yang boleh dijadikan sebagai pemegang botol yang unik," katanya.

Sebagai contoh, di Jepun, budaya membuka kasut sebelum masuk ke rumah telah menyebabkan permintaan bagi alat untuk memakai kasut dengan mudah, yang mahal harganya, meningkat dan Kraftangan Malaysia mampu menghasilkan

reka bentuk yang sama pada harga yang berpatutan, kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata produk ini akan dipasarkan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur bagi menguji penerimaannya sebelum diagihkan ke bengkel tertentu di kampung-kampung dan di pasarkan di tempat kunjungan pelancong.

Dr Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Khalid Yunus, turut dibawa melawat promosi kerja kahwin yang sedang berlangsung di Kompleks Kraf, pameran produk kraf satu daerah satu industri, pameran koleksi produk buluh dan hasil kerja peserta bengkel program Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco).

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir yang ditanya sama ada latar belakang seseorang perlu diperiksa sebelum diterima menjadi anggota parti, berkata ia amat sukar dijalankan kerana anggota parti politik begitu ramai sehingga menjangkau angka berjuta orang.

Pertanyaan itu dibuat berdasarkan kes bekas Ketua MCA cawangan Persiaran Gurney, Ong King Ee atau lebih dikenali sebagai "Jackie Chan" yang mengetuai kumpulan kongsi gelap Sio Sam Ong.

Dr Mahathir berkata kerajaan hanya menyemak latar belakang kakitangan kerajaan yang nama-nama mereka dihantar untuk pengesahan Badan Pencegah Rasuah, polis dan beberapa agensi kerajaan lain.

"Kita tidak buat siasatan menyeluruh (ke atas anggota parti politik). Kita mempunyai berjuta anggota dan tidak ada cara untuk menyemak secara teliti setiap orang di peringkat cawangan. Kita perlu terima mereka."

"Ada kalanya mereka (di peringkat cawangan) cuai dan perkara seperti ini berlaku. Apa yang mereka perlu lakukan sekarang ialah berhati-hati ketika menerima anggota baru," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak dapat tahu mereka (anggota parti) terlibat dalam pelbagai kegiatan tidak bermoral seperti liwat."

Mengenai isu penyiasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas Ling Hee Leong, anak lelaki bekas presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik, membabitkan pengambil laluan korporat bernilai RM1.2 juta, Perdana Menteri berkata biar BPR menjalankan siasatan mereka.

"Jika kita tidak percayakan BPR, siapa lagi yang kita mahu percaya. BPR sudah mengambil tindakan ke atas ramai orang. Sebilangannya melibatkan pemimpin parti-parti politik dan kes-kes mereka dibawah ke mahkamah," katanya.

Mengenai kenyataan pengerusi DAP Lim Kit Siang bahawa beliau dimaklumkan oleh BPR bahawa siasatan ke atas Ling sudah ditutup, Dr Mahathir berkata bagi Kit Siang "segala-galanya adalah politik".

"Ia bukan persoalan mengenai undang-undang, betul atau salah," kata Dr Mahathir yang menambah, perkara itu mungkin menjadi isu politik pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

HK AZZ LAT